

05/12/2003

Tarif kenderaan import dikurangkan bulan depan

Nur Lina Rasol

BEBERAPA langkah mengurangkan tarif terhadap kenderaan import, terutama yang 40 peratus daripada komponennya dihasilkan negara Asean akan diperkenalkan menjelang Januari tahun depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Kerk Choo Ting, berkata usaha itu adalah pendekatan sementara sebelum langkah sebenar diperkenalkan pada 2005.

"Pengurangan tarif secara lebih menyeluruh bagi kenderaan yang diimport dari negara Asean di bawah kategori berkenaan akan diperkenalkan pada Januari 2005," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian Program Kepakaran Teknikal Fasa Dua antara Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec), Persekutuan Automotif Malaysia (AFM), dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro), di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Smidec diwakili Pengerusinya, Datuk Kalsom Abdul Rahman; AFM oleh Pengerusinya, Aishah Ahmad, manakala Jetro oleh Pengarah Urusannya, Koichi Omura.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Abdul Razak Ramli.

Kerk berkata, kerajaan masih mengkaji mengenai kadar tarif yang bakal dikenakan dan akan membuat pengumuman mengenainya sebelum akhir tahun ini.

"Langkah pengurangan tarif itu bagaimanapun tidak meliputi kenderaan import yang tidak mempunyai sebarang komponen dari negara Asean," katanya.

Kerk berkata, ini kerana selain Afta, kerajaan tidak mempunyai komitmen dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk mengurangkan tarif terhadap kenderaan import.

"Pada peringkat WTO, kerajaan tidak membuat sebarang komitmen untuk mengurangkan tarif terhadap kenderaan yang bukan berasal dari negara Asean," katanya.

Mengulas mengenai struktur duti eksais pula, Kerk berkata, semua kenderaan akan dikenakan eksais duti dan kerajaan sedang menimbang kadar yang perlu dibayar.

Ketika ini, duti eksais hanya dikenakan terhadap kenderaan yang dikeluarkan di negara ini termasuklah yang dihasilkan oleh Proton.

Kerk berkata, walaupun kenderaan import yang tidak memiliki 40 peratus komponen Asean secara amnya akan dikenakan duti eksais dan tidak akan menikmati sebarang pengurangan tarif, kerajaan akan memastikan kadar yang dikenakan tidak memberi kesan negatif kepada industri.

"Kerajaan sedang mengkaji kadar tarif dan duti eksais yang akan dikenakan supaya kesannya tidak memusnahkan pasaran dan industri itu," katanya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 berkata kerajaan akan mengenakan duti eksais dan mengurangkan duti import terhadap kereta mulai 1 Januari 2004.

Pengurangan duti import itu sejajar struktur cukai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) untuk automotif dengan kenderaan keluaran Asean dikenakan cukai import hanya antara sifar hingga lima peratus.